

**Zahid bidas pembangkang**  
**Utusan Online**  
**05 Mei, 2012**

BAGAN DATOH 4 Mei - Naib Presiden UMNO, Datuk Seri Ahmad Zahid Hamidi (gambar) membidas sikap pemimpin pakatan pembangkang yang sering membuat tuduhan melulu menyalahkan UMNO dan Barisan Nasional (BN) setiap kali berdepan isu atau skandal peribadi.

Menurut beliau, mana-mana pemimpin yang terpalit dengan isu-isu peribadi wajar membersihkan nama mereka secara bertanggungjawab, bukan dengan mengambil jalan mudah dengan menyalahkan pihak lain.

"Saya fikir apa sahaja (isu) yang berlaku dengan pembangkang, mereka kata semua kerja UMNO, semua kerja BN. Kalau rumah mereka dimasuki pencuri pun, mereka mungkin tuduh UMNO yang hantar pencuri.

"Ini sikap orang terdesak, beginilah cara (menuduh orang lain) untuk membuat penafian," katanya kepada pemberita selepas menyampaikan Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M) di Dewan Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Simpang Tiga di sini hari ini.

Ahmad Zahid diminta mengulas penafian Timbalan Presiden Parti Keadilan Rakyat (PKR), Azmin Ali mengenai dakwaan yang mengaitkan beliau dalam skandal seks dengan seorang wanita seperti disiarkan beberapa blog baru-baru ini.

Menerusi kenyataan akhbar yang dipetik dalam blognya, Azmin mengaitkan UMNO dalam penyebaran fitnah berkenaan sambil menyifatkan ia fitnah ulangan menggunakan modus operandi yang sama terhadap Ketua Pembangkang, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Anwar sebelum ini dikaitkan dengan video seks melibatkan seorang wanita bersama seorang lelaki yang mirip Ketua Pembangkang itu. Video itu kemudiannya disahkan tulen oleh dua pakar dari Amerika Syarikat.

Ditanya mengenai desas-desus bahawa video yang dikaitkan dengan Azmin itu disebar oleh orang PKR sendiri, Ahmad Zahid berkata, beliau hanya mengetahui perkara itu selepas ia didedahkan media.

Mengulas kenyataan Presiden Pas, Datuk Seri Abdul Hadi Awang mengenai hasrat pembangkang untuk meminda Perlembagaan bagi mendaulatkan Islam sekiranya memerintah, Ahmad Zahid berkata, kenyataan itu tidak lebih dari sekadar kenyataan retorik.

"Beliau pernah menjadi Menteri Besar Terengganu, pimpin kerajaan, apa pindaan yang dibuat di negeri itu? Pas memerintah Kelantan lebih 22 tahun tapi berapa masjid yang dibina? Berapa pula orang miskin yang dibantu?. Kalau tidak berkuasa memang senang bercakap dan janji macam-macam.

"Begitu juga di Selangor, janji dalam manifesto yang sudah dibuat pun belum tertunai, sekarang hendak buat janji baru. Cukup-cukuplah membohongi rakyat," ujarnya.

Source:

[http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2012&dt=0505&pub=Utusan\\_Malaysia&sec=Politik&pg=po\\_05.htm](http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2012&dt=0505&pub=Utusan_Malaysia&sec=Politik&pg=po_05.htm)